



Pihak Berkuasa Kawalan Dadah
Drug Control Authority
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

Ruj. Kami : (24)dlm.BPFK/02/5/1.3
Tarikh : - 8 MAR 2004

SEMUA PEMEGANG PENDAFTARAN DAN PERSATUAN BERKAITAN

Tuan,

Perkara : Pindaan Kepada Kawalan Penetapan Saiz Pek Maksima Bagi Semua Persediaan Ubat Batuk

Adalah dengan hormatnya saya merujuk kepada Pekeliling PBKD rujukan (21)dlm.BPFK/02/5/1.3 bertarikh 7hb. November 2003 dan juga keputusan Mesyuarat Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) kali ke 156 yang telah diadakan pada 24hb. Februari, 2004 mengenai perkara di atas.

2. Pihak PBKD dalam mesyuaratnya kali ke 156 telah bersetuju:
 - 2.1 Meminda keperluan menetapkan saiz pek maksima bagi semua sediaan ubat batuk cecair kepada 120ml ± 10ml (julat pek maksima di antara 110ml hingga 130 ml).
 - 2.2 Perlaksanaan keperluan tersebut berkuatkuasa mulai 1hb. April 2004 masih kekal.
 - 2.3 Pengilangan dan pengimportan pek besar semua ubat batuk dalam pek yang melebihi $120ml \pm 10ml$ perlu dihentikan dari tarikh perlaksanaan.
3. Sila ambil maklum bahawa persedian ubat batuk keluaran Ubat Tradisional dan ubat batuk yang mengandungi Pholcodeine adalah tidak termaktub di bawah pekeliling ini.
4. Sehubungan dengan ini, para pemegang pendaftaran adalah diingatkan agar mematuhi keputusan tersebut.

Sekian, terima kasih.

"**BERKHIDMAT UNTUK NEGARA**"
"UTAMAKAN KUALITI, EFKASI, DAN KESELAMATAN"

Saya yang menurut perintah,

(EISAH BT. A. RAHMAN)

Setiausaha

Pihak Berkuasa Kawalan Dadah
Kementerian Kesihatan Malaysia.

- s.k .
1. Pengarah Perkhidmatan Farmasi, KKM
 2. PhAMA
 3. MOPI